

Kerajaan akan umum pelan persediaan hadapi banjir

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 9 Jan. - Kerajaan akan mengumumkan pelan masa depan berhubung persediaan negara menghadapi banjir dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang akan dibentangkan pada Jun ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan membuat pengumuman tersebut yang dijangka menyentuh mengenai rancangan jangka sederhana dan panjang.

“Langkah berkenaan antara usaha kerajaan bagi menangani

masalah banjir khususnya di negeri-negeri yang terjejas dalam bencana itu baru-baru ini.

“Sebelum ini, kerajaan telah mengumumkan pelbagai langkah antaranya peruntukan sebanyak RM1bilion untuk tujuan berkenaan dalam Bajet 2015,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis pelepasan konvoi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Bantuan Mangsa Banjir Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Mengulas penganjuran konvoi tersebut, Ahmad memberitahu, misi yang diketuai Ketua Setia-

usaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar Abdullah itu akan melakukan kerja-kerja pembersihan di sekolah, masjid dan hospital di Kuala Krai dan Gua Musang.

Katanya, banyak sukarelawan diperlukan bagi membantu membersihkan kesan-kesan banjir di kawasan-kawasan terjejas banjir selain menyalurkan sumbangan kepada mangsa-mangsa.

“Usaha yang disertai 582 sukarelawan dalam misi ini wajar dicontohi oleh kementerian lain dalam usaha membantu meringankan beban para penduduk di negeri terjejas,” katanya.



BAHAROM ABDUL WAHAB (dua dari kiri) menyampaikan bantuan nasi bungkus kepada penduduk Pulau Seratus di Kota Bharu, Kelantan, semalam. - **UTUSAN/NURUL AKMAR AIDA SUHAIMI**